

# Tergamak ayah rantai leher anak

Kanak-kanak 10 tahun ditemui jiran dalam keadaan bogel, tak sedarkan diri

DIANA SURYA ABD WAHAB

**KUANTAN** - Kasihan dan memilukan apabila seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun ditemui terbaring dengan leher dirantai pada tong gas, dipercayai perbuatan bapa tirinya di rumah sewa mereka di Indera Mahkota, di sini, kelmarin.

Lebih menyayat hati, kanak-kanak malang itu ditemui dalam keadaan bogel dan tidak sedarkan diri ketika diselamatkan pihak polis, dengan bantuan dan maklumat orang awam.

Mangsa didakwa diperlakukan sedemikian kerana dikatakan ponteng sekolah.

Ketua Polis Pahang, Datuk Rosli Ab Rahman berkata, perbuatan suspek berusia 32 tahun itu terbongkar selepas sepasukan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan melakukan pemeriksaan di rumahnya, kira-kira jam 9.45 pagi, kelmarin.

"Puncanya bermula apabila jiran terdengar seperti bunyi rantai dan cuba mengintai untuk lihat keadaan di dalam rumah mangsa, sebelum ternampak ka-

nak-kanak terbaring dengan lehernya dirantai pada tong gas.

"Jiran terbabit menghubungi polis dan kita segera hantar anggota dari IPD Kuantan untuk melakukan siasatan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, polis percaya kanak-kanak malang itu telah dirantai lebih dua jam, mengakibatkan dia mengalami sesak nafas dan pengsan.

"Suspek mempunyai lima anak, dengan tiga daripadanya termasuk mangsa adalah anak tiri.

"Pada hari kejadian, suspek keluar bekerja dan ibu mangsa tiada di rumah kerana keluar berniaga.

"Ketika itu, mangsa ditinggalkan bersama adiknya berusia 2 tahun yang sedang tidur di tingkat atas, manakala abang mangsa berusia 13 tahun dan adiknya berusia 6 tahun ke sekolah. Abangnya berusia 16 tahun tinggal berasingan," katanya.

Menurutnya, dalam siasatan awal, suspek memaklumkan dia bertindak demikian kerana anaknya degil dan kerap ponteng sekolah.

"Polis akan terus melakukan siasa-

INFO

● Didakwa kerap ponteng sekolah

● Dirantai lebih dua jam

● Sesak nafas dan pengsan

tan. Walaupun anak itu degil sekalipun tetapi itu bukan alasan suspek bertindak sedemikian.

"Mangsa kini sedang dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini dan keadaannya stabil serta tiada kecederaan serius dilaporkan," katanya.

Rosli berkata, bapa tiri mangsa yang bekerja sebagai anggota tentera di Kem Batu 10 dan ibunya berusia 37 tahun, seorang peniaga makanan telah ditahan kelmarin.

"Pasangan ini direman lima hari bermula semalam dan kedua-duanya disiasat mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016," katanya.

Difahami, mangsa adalah anak ketiga daripada lima beradik dan masih bersekolah di sebuah sekolah rendah, di sini.



Keadaan kanak-kanak malang yang dirantai pada tong gas.